

Tarikh : 22 Februari 2008

Masa : 8.30-9.30 pagi

Kelas : 3 Limau

Mata Pelajaran : Bahasa Melayu

Tajuk : Perayaan Di Malaysia

Objektif:

Pada akhir pelajaran, murid dapat:

1. Menyatakan empat maklumat berkaitan dengan perayaan-perayaan di Malaysia secara lisan.
2. Membaca dan menyatakan lima isi penting secara lisan tentang perayaan-perayaan di Malaysia .
3. Menulis lima ayat tunggal berdasarkan petikan yang dibaca.

Hasil Pembelajaran :

3.2 Menghuraikan maklumat dengan alasan yang menyakinkan.

Aras 1

i. Memberitahu maklumat tentang sesuatu perkara dan mengemukakan contoh yang sesuai.

6.2 Membaca dan mengenal pasti isi utama dan isi sampingan daripada teks.

Aras 1

i. Mendapatkan keterangan maksud keseluruhan teks.

8.1 Membina dan menulis perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk.

Aras 1

i. Membina ayat tunggal daripada perkataan yang diberi dengan tulisan yang cantik.

Pengisian Kurikulum:

1. Ilmu: Budaya

2. Nilai: Bekerjasama, hormat-menghormati, menghargai warisan, tekun.

3. Kewarganegaraan: Bangga akan warisan bangsa

4. Peraturan sosiobudaya: Menggunakan bahasa secara bersantun

5. Kemahiran bernilai tambah:

i. Kemahiran berfikir

ii. Teknologi maklumat dan komunikasi

iii. Kemahiran belajar cara belajar

6. Pembelajaran kontekstual

Pengetahuan sedia ada: Murid pernah menyambut perayaan kaumnya.

Kandungan	Strategi	Catatan
Gambar: gambar ketupat, lagu selamat hari raya. Tajuk pelajaran: Perayaan di Malaysia.	Set Induksi (5 min) 1. Guru meminta murid untuk meneliti gambar pada slaid powerpoint. 2. Kemudian murid diminta untuk mengelik pautan yang terdapat pada slaid tersebut. 3. Guru kemudiannya akan bersoal jawab dengan murid berkenaan gambar dan pautan yang telah dilihat. 4. Guru mengaitkannya dengan tajuk pelajaran pada hari ini.	Ilmu: budaya KBT: TMK
Kumpulan 1: Tahun Baru Cina. Kumpulan 2: Hari Deepavali Kumpulan 3: Hari Raya Aidilfitri Kumpulan 4: Hari Gawai	Langkah 1 (15 min) 1. Guru meminta murid untuk mngelik kepada pautan yang disediakan mengikut kumpulan masing-masing. 2. Murid diminta untuk membaca dan memahami artikel yang terdapat didalam pautan tadi. 3. Kemudian guru meminta murid memahami isi artikel dan menjawab beberapa soalan yang diberikan.	Ilmu: Budaya Kewarganegaraan: Bangsa akan warisan negara KBT: Kemahiran belajar cara belajar membei pendapat Nilai: bekerjasama ABM: Komputer dan sambungan internet.
• Bilakah sambutan perayaan ini disambut? • Kaum manakah yang menyambut perayaan ini. • Sejarah perayaan? • Bagaimana perayaan ini disambut?	Langkah 2 (20 min) 1. Murid kemudian diminta untuk membaca sekali lagi petikan dan merekodkan pembacaan mereka melalui moviemaker. 2. Kemiudian, murid diminta untuk mencari empat isi penting yang terdapat pada artikel atau teks masing-masing. 3. Murid dibantu dengan soalan-soalan yang akan mencungkil dan memudahkan mereka mendapatkan isi-isi tersebut. 4. Murid akan membentangkan hasil kerja mereka melalui Powerpoint dan membacanya dihadapan kelas.	KBT: Kemahiran belajar cara belajar. KBT: TMK, pembelajaran kontekstual. Nilai: tekun ABM: komputer, Sambungan internet
	Langkah 3 (15 min) 1. Melalui artikel yang dibaca, murid diminta mengenal pasti ayat tunggal yang terdapat di dalam ayat. 2. Sekiranya tiada ayat tunggal yang	Peraturan sosiobudaya: Menggunakan bahasa secara

	sesuai, murid diminta memecahkan ayat berlapis menjadi ayat tunggal. 3. Murid membentangkan hasil perbincangan mereka di hadapan kelas dengan menggunakan Power Point. 4. Murid dapat menulis lima ayat tunggal berdasarkan petikan yang dibaca.	bersantun KBT: TMK Nilai: Tekun
	Penutup (5 min) Kognitif: 1. Murid diminta untuk menyatakan apa yang telah dipelajari pada hari ini. Sosial: 1. Guru memuji kumpulan yang baik dan menjalankan aktiviti dengan efisien. 2. Guru meminta murid bertepuk tangan dan berterima kasih kepada diri sendiri kerana menjalankan aktiviti dengan jayanya.	